

**Penggodam buat Anwar 'mohon maaf' pada Najib
MalaysiaKini.com
18 Ogos, 2012**

Blog rasmi Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim digodam malam tadi dan digantikan dengan perutusan Hari Raya Aidilfitri kononnya ketua umum PKR itu memohon maaf kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Abdul Razak.

Bagaimanapun perutusan hari raya bersama permohonan maaf' itu telah dikeluarkan oleh pentadbir blog yang mengesahkan bahawa ia adalah mesej palsu.

"Blog ini telah digodam sekitar jam 11.50 malam tadi dan sebuah posting palsu kononnya 'perutusan khas' oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim telah dimuatnaik di blog ini.

"Pihak pentadbir blog mengesahkan bahawa 'perutusan' tersebut adalah palsu dan bukan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim, justeru telah mengeluarkan posting tersebut serta-merta.

"Pihak kami difahamkan keratan skrin posting tersebut telah berjaya dirakam dan kini giat disebar oleh cybertroopers Umno bertujuan memburuk dan memfitnah Dato' Seri Anwar Ibrahim," , " demikian menurut penjelasan di blog tersebut ekoran insiden tersebut.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/206653>